

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HHT 201 - Teori-Teori Seni

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Jawab TIGA (3) soalan.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

1. Huraikan kefahaman anda tentang teori di sebalik seni tradisional India.

2. Huraikan kefahaman anda tentang teori di sebalik seni tradisional Cina.

3. "Seni hanya berubah dengan adanya kesungguhan kepercayaan, kepercayaan yang begitu kuat hingga boleh mengubah masyarakat pada masa yang sama." (Terjemahan ungkapan Theophile Thore dalam "The Invention of the Avant-Garde: France, 1830-80", Avant-Garde Art, suntingan Thomas Hess & John Ashbery, Macmillan, N.Y., 1968, m.s.3.)

Berpandukan pernyataan ini, huraikan fahaman di sebalik gelaran 'avant-garde' untuk kegiatan seni pada mula-mulanya di negara Perancis. Seterusnya berikan pendapat anda tentang bagaimana fahaman 'avant-garde' sekarang ini berbeza dari fahaman asal itu.

.../2

4. Berhubungan dengan hasil-hasil seni masyarakat Dunia Ke Empat, "kesenian akulturasi" (arts of acculturation) ialah gelaran yang telah diberikan oleh Nelson Graburn, (International Social Science Journal 21:1969:457) kepada "penghasilan seni yang berbeza dengan penting sekali dari pernyataan tradisional (traditional expressions) dari segi bentuk, intisari, fungsi, dan bahantara, serta juga berbeza dari bentuk-bentuk penghasilan seni yang pelbagai yang dianggap sebagai hasil seni "tamadun".

Berhubungan dengan fahaman "kesenian akulturasi" ini, terangkan fahaman anda tentang penjenisan yang telah dibentangkan oleh Nelson Graburn seperti berikut: Keluputan; Seni Halus Tradisional atau Fungsional; Seni Halus Komersial; Cenderamata atau Objek Kenangan-kenangan; Kesenian Diintegrasi Semula; Seni Halus Asimilasi; Kesenian Popular. (Nelson Graburn, ed., Ethnic and Tourist Arts, University of California Press, Los Angeles, 1976, m.s.5-9).

5. Huraikan secara umum perhubungan di antara dasar-dasar kerajaan dengan pengkaryaan seni di negara-negara sosialis. Dalam huraian anda, fikirkan juga apa yang telah dinyatakan oleh Bela Kopeczi berhubungan dengan fahaman Karl Marx tentang seni dalam masyarakat:

"Walaupun Marx menekankan pengaruh masyarakat ke atas seni, ianya tidak menafikan bahawa seni juga, dari beberapa segi, adalah bebas dari perkembangan ekonomi dan sosial." ("Art in the Socialist Countries" oleh Bela Kopeczi, dalam The Three Faces of Art, susunan Alexandre Cirici dan S. Gopinathan, Federal Publications, K.L., 1977, m.s.80).

6. Huraikan pendapat anda tentang peranan dan kedudukan seni dalam masyarakat manusia "zaman moden." Dalam huraian anda, fikirkan tentang pendapat d'Arcy Hayman bahawa,

"Apa yang nyata dalam kehidupan abad ke-20 kita ini ialah perpecahan (disintegration) yang kian membiak: si anak dipisahkan dari ibubapanya, ibubapa dipisahkan satu dari yang lain, ahli-ahli keluarga dipisahkan dari masyarakat, perburuhan dipisahkan dari pekerjaan dan dipecahkan lagi seterusnya, setiap bahagian dipecahkan lagi, sains dipisahkan dari seni, falsafah dari agama, dan agama dipecahkan lagi kepada bahagian-bahagian yang bertentangan, pendidikan tidak habis-habis dipecahkan kepada bidang-bidang, pancaindera dipisahkan dari akal, manusia dipisahkan dari manusia" ("Art in the Life of Man" oleh d'Arcy Hayman dalam The Three Faces of Art, susunan Alexandre Cirici & S. Gopinathan, Federal Publications, K.L., 1977, m.s.39).